

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

BH ISIN, 29 JUN 2020

7

Nasional

Pemulihan COVID-19

Tiada jangkitan rakyat tempatan

18 kes baharu babit bukan warganegara Malaysia, kes import

Oleh Suzalina Halid dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tiada kes penularan dalam negara membabitkan rakyat Malaysia daripada 14 kes tempatan wabak itu yang direkodkan setakat tengah

hari semalam.
Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata secara keseluruhan sebanyak 18 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam yang mana 14 daripadanya adalah kes penularan dalam negara membabitkan bukan rakyat Malaysia.
Empat lagi ialah adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara, membabitkan tiga rakyat Malaysia dan seorang warga asing yang juga pemastautin atau dibenarkan masuk ke Malaysia atas urusan kerja.
Dengan itu, jumlah kumulatif kes COVID-19 di Malaysia ketika ini adalah 8,634.
Selain itu, ada 10 kes pulih dan

dibenarkan discaj semalam dengan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya daripada COVID-19 dan discaj daripada wad adalah sebanyak 8,318 kes iaitu 96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.
Dengan mengambil kira 18 kes baharu hingga jam 12 tengah hari semalam, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 kini hanya 195.
"Ingin dimaklumkan daripada 18 kes baharu yang dilaporkan, empat kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara yang membabitkan tiga warganegara Malaysia dan seorang bukan warganegara.
"Daripada 14 kes penularan da-



lam negara, semua kes adalah dalam kalangan bukan rakyat Malaysia dan tiada kes kalangan rakyat Malaysia," katanya melalui kenyataan, di sini, semalam.
Dr Noor Hisham juga berkata, setakat ini tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan semalam, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes

kematian akibat wabak itu di Malaysia kekal 121 kes atau 1.40 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.
Hingga kini, hanya dua daripada kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiada kes yang memerlukan bantuan alat pernafasan.

Majikan kena bantu KKM cegah penularan buruh asing


Kuala Lumpur: Majikan perlu memainkan peranan dan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk memastikan pematuhan penuh terhadap prosedur operasi standard (SOP) bagi mencegah penularan COVID-19 dalam kalangan warga asing.
Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pelbagai SOP dibangunkan untuk setiap sektor; berikutan Malaysia sedang memasuki fasa pemulihan daripada pandemik berkenaan.

"KKM ingin memaklumkan bahawa 60,298 orang bukan warganegara Malaysia disaring hingga semalam (kelmarin) dan daripada jumlah itu, 2,575 kes atau 4.3 peratus dikesan positif COVID-19.
"Sebanyak 57,441 kes atau 95.3 peratus pula adalah negatif dan 282 kes (0.4 peratus) masih menunggu keputusan.
"Bagi kes positif dalam kalangan bukan warganegara Malaysia, seramai 105 kes (4.1 peratus) masih dalam rawatan, 2,465 kes (95.7 peratus) pulih dan dibenarkan pulang, manakala jumlah kes kematian COVID-19 adalah sebanyak lima kes (0.2 peratus)," katanya dalam kenyataan, semalam.
Mengulas kebimbangan kes positif dalam kalangan warga asing yang semakin meningkat, Dr Noor Hisham berkata, KKM mempunyai mekanisme tertentu untuk mengengkang penularan jangkitan kepada rakyat tempatan.
Mengambil contoh kluster Pedas di Negeri Sembilan dan Melaka, beliau berkata, sembilan kes yang dilaporkan setakat jam 12 tengah hari semalam adalah da-

riapada saringan ulangan.
"Mereka sememangnya dikuarantin kerana terdedah kepada kes positif sebelum ini. Hingga hari ini (semalam), seramai 957 disaring dan setakat ini didapati 326 kes atau 34.1 peratus dikesan positif COVID-19.
"Daripada jumlah itu, seramai 312 kes (95.7 peratus) adalah dalam kalangan bukan warganegara Malaysia," katanya.

Kementerian Kesihatan meminta majikan memastikan pekerja asing mereka patuhi SOP cegah penularan COVID-19.

(Foto hiasan)



Grafik BH

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

18

ISIN, 29 JUN 2020

Nasional

Wad HSA terbakar, pesakit selamat

Kejadian tiada kaitan kebakaran 4 tahun lalu, punca masih dalam siasatan

Oleh Omar Ahmad
cnews@nstp.com.my

Johor Bahru: Wad Perubatan Perempuan Hospital Sultanah Aminah (HSA) terbakar pada jam 3 petang semalam.

Kejadian adalah kebakaran kedua berlaku selepas empat tahun kebakaran besar di HSA mengorbankan enam nyawa di bahagian wad rawatan rapi (ICU) pada Oktober 2016.


Menteri Kesihatan, Datuk Sri Dr Adham Baba, berkata bagaimanapun tiada kecederaan dan kematian dilaporkan.

Katanya, ketika kejadian 52 pesakit berada dalam Wad Perubatan Perempuan, daripada jumlah itu 24 pesakit di wad kebakaran berjaya dipindahkan Pasukan Tindakan Pantas.

"42 pesakit dipindahkan ke bangunan lain HSA, manakala 10 pesakit yang memerlukan pemeriksaan dipindahkan ke Hospital Permai.

"Kejadian ini tiada kaitan dengan kebakaran empat tahun lalu kerana bangunan juga berbeza. Punca kebakaran masih dalam siasatan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

"Tiada kematian seperti tular di media sosial. Kebakaran ini tidak membabitkan kecederaan dan kematian," katanya sambil mem-



Dr Adham mendengar penerangan daripada pihak bomba dan penyelamat ketika meninjau kebakaran di Wad Perubatan Perempuan HSA, semalam.

beritahu bangunan terbabit ditutup sehingga disahkan selamat oleh JBPM dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Menurut Dr Adham, semua pesakit dipindahkan serta-merta selepas berlaku kebakaran.

Beliau berkata, pihaknya akan menunggu laporan JBPM bagi mengetahui punca.

"Pihak keluarga boleh dapatkan maklumat mengenai waris daripada pihak HSA.

"Kita akan jalankan penyiasatan situasi secara menyeluruh dan akan pastikan ada penambahbaikan keadaan," katanya.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Johor, Datuk Yahaya Madis, pula berkata laporan siasatan akan diperoleh dua hari lagi.

Katanya, pihak bomba tiba di lokasi kebakaran pada jam 3.08 petang.

"Kebakaran berjaya dikawal dalam masa 10 minit, termasuk di bahagian dalam bangunan Wad

Perubatan Perempuan serta bumbung.

"60 anggota dan pegawai bomba dihantar ke lokasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Larkin, BBP Tebrau, BBP Johor Jaya dan Ibu Pejabat," katanya pada sidang media bersama Dr Adham Baba di pekarangan lokasi, di sini, semalam.

Yahaya berkata, kebakaran membabitkan panel oksigen, vacuum, callbell dan suis di katil nombor 5 di wad berkenaan.

"Kebakaran cuba dipadamkan kakitangan hospital menggunakan alat pemadam api jenis debu kering, namun gagal dan api merebak sehingga ke siling wad.

"Pasukan Keluaran Operasi yang sampai di lokasi berjaya mengawal kebakaran pada jam 3.29 petang," katanya.

Sementara itu, seorang saksi, Azrin Khamsan, 27, berkata dia nampak asap sebelum melihat api di penjuru bangunan Wad Perubatan Perempuan hospital itu.



Pesakit di Wad Perubatan Perempuan selamat dibawa keluar untuk dipindahkan ke bangunan lain Hospital Sultanah Aminah. (Foto ihsan saksi)

Ketika kejadian dia sedang menunggu isterinya yang mendapatkan pemeriksaan di wad terbabit sejak empat hari lalu.

Katanya, asap mula keluar dari kawasan terbabit sejak jam 3 petang.

"Saya sepatutnya ambil isteri yang dimasukkan di wad ini kerana ada masalah pada kandungan pertamanya.

"Apabila sampai, saya lihat asap, jururawat dan kakitangan hospital segera memindahkan semua pesakit.

"Isteri juga dipindahkan di wad lain, saya tunggu untuk ambil barang isteri di sini, tetapi rasanya

tidak dibenarkan masuk," katanya ketika ditemui di pekarangan HSA di sini, semalam.

Sementara itu, pekerja kilang, Syafaat Ismail, 28, berkata dia melihat kejadian dari mula hingga akhir.

Katanya, dia menunggu isterinya berurusan di wad terbabit dalam kereta yang diparkir tepi wad terbabit.

"Saya nampak pesakit dikeluarkan, ada yang berjalan sendiri, dipapah, menggunakan kerusi roda dan katil.

"Alhamdulillah bomba tiba cepat memadamkan kebakaran," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

18 kes baharu, tiada jangkitan warga tempatan

Kuala Lumpur: Tiada penularan jangkitan Covid-19 berlaku dalam kalangan warga tempatan, semalam.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 18 kes baharu semalam menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di negara ini adalah 8,634 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, empat daripada kes baharu itu adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara iaitu tiga memabitkan rakyat Malaysia dan seorang bukan warganegara yang bermastautin atau

dibenarkan masuk ke Malaysia atas urusan kerja.

Katanya, daripada 14 kes penularan dalam negara, tiada kes jangkitan dalam kalangan warganegara Malaysia.

"Perincian kes dalam kalangan bukan warga negara adalah sembilan kes dilaporkan di Negeri Sembilan daripada saringan ulangan kluster Pedas dan dua kes saringan kluster Depot Tahanan Imigresen (DTI) Sepang.

"Dua kes di Sabah iaitu satu kes saringan banduan sebelum dibebaskan dari penjara dan satu kes jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) dari Klinik Ke-



DR Noor Hisham

sihatan ke hospital.

"Manakala satu kes di Kuala Lumpur iaitu saringan masuk kerja di tapak pembinaan," katanya, semalam.

Mengenai kes pulih, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 10 kes pulih dan dibenarkan discaj pada semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya 8,318 kes iaitu 96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Bilangan kes aktif kebolehjangkitan Covid-19 adalah 195 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan.

"Adalah dimaklumkan, tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian kekal 121 kes iaitu 1.40 peratus daripada keseluruhan kes," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12A
RUANGAN : LOKAL



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Oleh Hazri Abu Bakar
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Tindakan pantas kakitangan Wad Perubatan Perempuan Satu, Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, berjaya menyelamatkan 24 pesakit dalam kejadian kebakaran membabitkan wad terbakar, semalam.

Kakitangan terbabit berjaya mengawal api sebelum dipadamkan sepenuhnya anggota bomba yang tiba lima minit kemudian.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, siasatan akan dijalankan bagi mengenal pasti punca kebakaran yang berlaku jam 3 petang.

"Ia hanya kebakaran kecil dan pesakit berjaya dipindahkan kakitangan wad.

"Memandangkan ada bangunan baharu dan lama di HSA, kami akan melakukan pemeriksaan dan siasatan bagi memperbaiki jika terdapat sebarang kelemahan," katanya.

'Misi' selamat wad perubatan

Tindakan pantas kakitangan HSA berjaya selamat 24 pesakit selepas bangunan terbakar



la hanya kebakaran kecil dan pesakit berjaya dipindahkan kakitangan wad"

Dr Adham

Dr Adham sebelum itu memeriksa tempat kejadian dan diberi taklimat oleh Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor Datuk Yahaya Madis.

Menurutnya, keseluruhan kompleks itu menempatkan 52 pesakit manakala bangunan yang terjejas dalam kebakaran itu mempunyai 24 pesakit.

Katanya, semua 24 pesakit kini ditempatkan di beberapa wad di HSA dan Hospital Permai di sini.

Menurutnya, hanya bangunan menempatkan 24 pesakit yang terbakar itu ditutup sementara siasatan

dijalankan sehingga dibenar digunakan semula oleh bomba dan Jabatan Kerja Raya.



BANGUNAN Wad Perubatan Perempuan Satu HSA yang terbakar, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes baharu kekal dua digit

Jangkitan Covid-19 di Malaysia catat 18 kes semalam

KUALA LUMPUR

Jangkitan Covid-19 di Malaysia kekal dua digit apabila 18 kes positif wabak itu dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes kumulatif dalam negara sebanyak 8,634 kes dengan kebolehhajangan 195 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 18 kes itu, empat adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan tiga warganegara Malaysia dan seorang bukan warganegara yang merupakan pemastautin tetap atau dibenarkan masuk ke Malaysia atas urusan kerja.

“Daripada 14 kes penularan dalam negara, kesemua kes adalah dalam kalangan bukan warganegara Malaysia.

“Sembilan adalah kes saringan ulangan bagi Kluster Pedas, Negeri Sembilan; dua kes saringan Kluster Depot Tahanan Imigrasi (DTI) Sepang, Selangor; dua di Sabah iaitu satu kes saringan ke atas banduan sebelum dibebaskan dari penjara dan satu kes *Severe Respiratory Acute Infection* (SARI) dari Klinik Kesihatan ke hospital manakala satu kes di tapak pembinaan Kuala Lumpur,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, terdapat 10 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj menjadikan jumlah kumulatif pulih adalah sebanyak 8,318 kes atau 96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.


Katanya, dua kes positif jangkitan itu sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiada kes yang memerlukan bantuan

alat pernafasan.

“Tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian di Malaysia kekal 121 kes iaitu 1.40 peratus daripada jumlah keseluruhan kes,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 60,298 bukan warganegara Malaysia disaring setakat kelmarin dan daripada jumlah itu, 2,575 kes (4.3 peratus) dikesan positif Covid-19; 57,441 kes (95.3 peratus) adalah negatif dan 282 kes (0.4 peratus) masih menunggu keputusan.

“Bagi kes positif dalam kalangan bukan warganegara pula sebanyak 105 kes iaitu 4.1 peratus masih dalam rawatan dan 2,465 kes atau 95.7 peratus telah pulih dan dibenarkan discaj manakala jumlah kumulatif kes kematian



dikuarantinkan kerana terdedah kepada kes positif sebelum ini,” katanya.


Sehingga semalam, Dr Noor Hisham berkata, seramai 957 daripada kluster disaring dan 326 kes iaitu 34.1 peratus dikesan positif Covid-19 dan daripada jumlah itu, 312 kes adalah dalam kalangan bukan warganegara Malaysia.

Mengambil kira Malaysia yang kini dalam fasa pemulihan, beliau berkata, pelbagai prosedur operasi standard (SOP) dibangunkan untuk setiap sektor antaranya majikan perlu memainkan peranan memastikan SOP dilaksanakan dengan betul dan terus bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi mengambil langkah pencegahan Covid-19 khususnya dalam kalangan warga asing.

Covid-19 adalah sebanyak lima kes iaitu 0.2 peratus.

“Majoriti kes positif yang dilaporkan adalah dalam kalangan bukan warganegara Malaysia iaitu sembilan kes positif adalah saringan ulangan daripada Kluster Pedas di Negeri Sembilan dan Melaka. Mereka telah

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : SINAR NEGERI

20

#JanganPutusAsa
#Malaysia

Sinar NEGERI

Wad perubatan HSA terbakar

24 pesakit termasuk pesakit kritikal selamat

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

JOHOR BAHRU

Sebuah blok menempatkan Wad Perubatan Perempuan 1 di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini terbakar pada jam 3.08 petang semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, dalam kejadian tersebut, 24 pesakit wanita yang berada dalam wad itu sempat dipindahkan ke wad sementara sebelum dipindahkan ke wad berhampiran dan Hospital Permai.

"Tiada kecederaan atau kemalangan jiwa berlaku. Semua pesakit termasuk yang kritikal sempat diselamatkan semasa kebakaran berlaku.

"Kita menafikan terdapat dua pesakit yang meninggal dunia dalam kebakaran ini seperti yang sedang tular ketika ini," katanya pada sidang akhbar di pekarangan wad itu semalam.

Sinar Harian difahamkan, bangunan itu menempatkan Wad Perubatan Perempuan 1, 2 dan 3 yang sebelum ini dijadikan tempat rawatan untuk



Pesakit dipindahkan ke wad sementara semasa kebakaran di Wad Perubatan Perempuan 1 di HSA, Johor Bahru semalam.

koronavirus (Covid-19).

Pada 25 Oktober 2016, tingkatan dua unit rawatan rapi (ICU) selatan HSA terbakar hingga mengakibatkan enam pesakit terdiri daripada empat wanita dan dua lelaki maut manakala seorang lagi terselamat.

Katanya, bangunan yang boleh menempatkan 52 pesakit itu akan ditutup untuk sementara sehingga siasatan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak bomba selesai.

Ditanya sama ada siasatan akan dilakukan di seluruh bangunan HSA memandangkan terdapat bangunan lama dan pernah terbakar sebelum ini, beliau berkata, tidak semua bangunan HSA adalah binaan lama.

"Ini kompleks lama dan ada

(bangunan) yang baharu, kita akan siasat keseluruhan situasi dan pastikan selepas ini akan diperbaiki dan ditambah baik," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bomba Johor, Datuk Yahya Madis berkata, lebih 60 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Larkin, BBP Tebrau dan BBP Johor Jaya dikejarkan ke tempat kejadian.

Katanya, pihaknya turut dibantu tiga jentera Fire Rescue Team (FRT), tiga unit Rapid Intervention Motorcycle (RIM) dan dua Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS).

"Kebakaran dapat dikawal pada jam 3.29 petang. Punca dan kerugian masih lagi dalam siasatan," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

6 Nation

THE STAR, MONDAY 29 JUNE 2020

Covid-19: Current situation globally

(As of 7pm June 28, 2020)

Malaysia

New cases

18

Total cases

8,634

Total deaths

121

Total recovered

8,318

Asean+	China	Indonesia	Singapore	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	83,500	54,010	43,459	35,455	18,297	12,715	3,162	355	296	141	141	19
Deaths	4,634	2,754	26	1,244	971	282	58	0	6	3	0	0
Recovered	78,451	22,936	37,163	9,686	16,452	11,364	3,053	330	216	138	129	19
Global Top 10	US	Brazil	Russia	India	UK	Spain	Peru	Chile	Italy	Iran		
Confirmed cases	2,596,771	1,131,941	634,437	530,993	310,250	295,549	275,989	267,766	240,136	222,669		
Deaths	128,152	57,103	9,073	16,124	43,514	28,341	9,135	5,347	34,716	10,508		
Recovered	1,081,494	715,905	399,087	311,001	N/A	N/A	164,024	228,055	188,584	183,310		

Khor: It's a miracle I recovered

Ipoh-born nurse glad to be alive after 43 days in a coma

18 new cases detected, 10 more patients discharged

By RAHIMY RAHIM
rahimyr@thestar.com.my

PETALING JAYA: An Ipoh-born nurse in Britain who made a "miraculous" recovery from Covid-19, has shared that he was in a coma for 43 days at one point.

Felix Khor, 68, was admitted to the Southend Hospital at the height of the lockdown in the United Kingdom and spent 43 days on a ventilator in the intensive care unit of the public hospital where he had worked for more than 15 years.

He was previously the hospital resuscitation officer but he voluntarily came out of retirement and returned to the hospital's emergency department to help other frontliners in their battle against the Covid-19.

"On the last day of March, I was working at the emergency department. There were a lot of people on that day."

"Suddenly, I felt very cold. So, I asked one of my colleagues to check my temperature and it was 38.4°C, which was quite high.

"He advised me to go home and self-isolate," he recounted in a phone interview.

Khor said he took paracetamol every six hours but his body temperature kept going up.

"The next day I had a consultant doctor do a check on me, including my heart rate. It was all right. However, the X-ray showed some changes in my lungs.

"The consultant doctor said that I could have contracted Covid-19, which at that point was a new disease," he said, adding that he was told to go home and rest and take some medicine.

"On April 1, I felt very ill. I was rushed to the emergency department in an ambulance.

"By the time I reach the emergen-



cy room, I become drowsy and unconscious. They put me on a ventilator and I was in a coma for 43 days," he said.

When he woke up eventually, he felt slightly confused.

"And when I got gradually better, they sent me to the respiratory unit," he said.

Khor recounted that at one point, he could not even move an inch of his body as he was placed on ventilators.

"It is known that if somebody is put on a ventilator, they could lose about 40% of their weight or muscle. I couldn't even move my hands and often experienced shortness of breath," he said.

Khor struggled to speak more than two words at a time and would pause before he spoke to others.

"I needed two people to hold me so I could sit up. It was very frightening, frustrating and sad for me," said Khor.

He admitted that he was feeling suicidal but it was not long before he managed to talk to a psychiatrist.

"I spent an hour talking to her and she told me I was thinking negatively. The psychiatrist said that although you can't move, you are recovering well.

"You need to always look at the positive side. Many others who are on ventilators did not survive or



From Britain: Khor with his close friend Linda Leake, a former surgical nurse at the Southend Hospital.

have less than 15% chance of survival," he said, recalling the conversation he had with the psychiatrist.

After that, Khor was determined to overcome all the challenges and to persevere to recover from his condition.

"I had to go through several physiotherapy sessions, where at first I had to learn how to move with two people holding me, then walk with two walking sticks, and later on without any stick," he said.

He voiced his appreciation to those who had helped him.

"I'm incredibly grateful to all of the hospital staff who have helped keep, and for the huge love and support from colleagues and friends," he said.

News of his recovery was reported in the British media, including BBC, which pointed out that "up to 200 NHS (National Health Service) staff lined the hospital's main corridor to clap for him as he was wheeled out of intensive care".

Khor was discharged from the hospital on June 1 and is now able to walk.

"I do struggle to walk up the stairs as my legs are still weak, but going down the stairs is fine."

"My friend installed some hand rails in the toilet to help me when I took my baths."

"I would like to get better soon but I understand that it will take some time to fully recover. Some people say it might take a year but it was a miracle that I am able to do it fast," said Khor.

A bachelor who came to the United Kingdom in 1973, Khor said he had been making annual trips to Malaysia to visit relatives.

For now, he intends to get back to gardening.

"I know half of my plants will be dead, but I'll start again, I love gardening. This year has just been my missing summer, but like me, my garden will flourish once again," he told BBC earlier.

Tailoring teachers use skills to make PPE

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

MERSING: Tailoring teachers under the Community Development Department (Kemas) put their skills to good use by producing personal protective equipment (PPE) for frontliners during the movement control order (MCO).

Among them were Norhayatilaza Ramli, 41, who said she was glad to play a role in helping contain the Covid-19 pandemic.

"It was good to be able to help protect our frontliners. The PPE were sent to hospitals all over the state," she said when met at the PPE volunteers appreciation programme at Dewan Felda Tenggaroh 5 here.

Rural Development Minister Datuk Dr Abd Latiff Ahmad and Johor Women Development, Family and Community Committee chairman Zaiton Ismail were among those at yesterday's ceremony.

Norhayatilaza, who is a Kemas Community Development Officer (Sewing) in Kota Tinggi, said it took only a day for them to learn how to make the PPE and they started production on April 9.

The training and raw material were provided by the Health Ministry, she said.

"They taught us how to sew aprons, boot covers and hoods."

"We started with five PPE per day for each person before slowly going up to 20 PPE per day," she said, adding that she also worked during

weekends to ensure there was enough supply of PPE.

Nor Azura Abd Aziz, 36, said getting to the sewing workshop and also ensuring enough material to make the PPE was a challenge.

She also said they would encounter roadblocks and sometimes run out of raw materials because shops were closed.

"We worked closely with the State Health Department and each week we would send them about 110 PPE," she said.

Sinah Razali, 50, also said she was proud to be able use her sewing skills to help frontliners.

"We may not be doctors or nurses but we contributed with the skills we have," she said.

Although there was now less

demand during the recovery MCO, she said they were still making PPE just in case they were needed again.

Meanwhile, Zaiton said that the state government was planning to place all volunteers under one umbrella so that they could be called upon if the state needed urgent help.

"We have to find out how many volunteer movements we have in the state first because it is not only Kemas, we also have others from the Welfare Department, and non-government organisations.

"Volunteers will be placed under my portfolio and categorised into their area of expertise, so that we can deploy them if needed," she said.

PETALING JAYA: Malaysia recorded another 18 cases of Covid-19 but the death toll remains at 121, says Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

"Of the 18, four are imported cases involving three Malaysians and a foreigner who is either a Malaysian resident or was allowed entry for work purposes."

"The rest are local infections among foreigners in Malaysia."

"There are no local cases involving Malaysians," the Health director-general said yesterday.

Of the 14 local infections, nine were from the Pedas cluster in Negri Sembilan linked to factory workers, two from the Sepang Immigration depot cluster, two were detected in Sabah and one in Kuala Lumpur.

"One of the cases in Sabah involved an inmate who was screened before being released from prison while the other was detected in a patient with severe respiratory acute infection (SARI)."

"The case in Kuala Lumpur was detected at a construction site," he added.

Last week, after four consecutive days of single-digit new cases, Malaysia registered 10 cases on Saturday and 18 yesterday.

Dr Noor Hisham said that as of noon yesterday, there were 8,634 positive cases, with 195 active cases.

Currently, two Covid-19 patients are being treated at the Intensive Care Unit but are not on ventilators.

He also said 10 Covid-19 patients had recovered and were discharged, putting the recovery rate at 96.3%.

There were no new deaths reported.

Dr Noor Hisham also revealed that only 4.3% of foreigners screened for Covid-19 lately tested positive for the disease.

"Since June 27, we tested 60,298 foreigners and 95.3% of them came back negative. We are still waiting for the test results of 0.4% or 282 of those tested," he said.

Dr Noor Hisham said 105 foreigners who tested positive were still being treated while 2,465 had recovered and discharged.

There were also five deaths involving infected foreigners.

He said the nine cases from the Pedas cluster reported yesterday had been under quarantine.

"Employers also have a role to play to ensure workers follow standard operating procedure to curb the rise of Covid-19 infections as Malaysia enters the recovery phase," he said.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NATION

Hospital catches fire again

Trained medical staff helped stop the blaze from spreading

By VENESA DEVI
and REMAR NORDIN
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: Syafaat Ismail got the scare of his life when the ward at Hospital Sultanah Aminah where his wife was receiving treatment caught fire.

The 28-year-old was waiting for his wife outside the hospital's Women Medical Ward 1 when the fire broke out at 3.08pm yesterday. "I saw smoke billowing out from the back of the ward and got worried.

"The ward then went dark as the electricity supply was cut off and things started to get chaotic," he said when met near the ward.

Thankfully, he said the blaze was quickly contained and put out completely in less than 30 minutes.

Twenty-four patients were in the ward when the fire broke out and no injuries were recorded.

On Oct 25, 2016, a major fire occurred at the hospital, killing six patients.

Health Minister Datuk Dr Adham Baba said the experience of that tragedy made the hospital staff act quickly during the latest incident.

Dr Adham, who visited the ward, said all 24 patients there had been evacuated and transferred to other nearby wards and to Hospital Permai.

"No injuries or deaths were reported and all patients, including those who were in critical condition, were rescued.

"The news about two patients dying in the fire that had gone viral is untrue," he told a press conference.

He added that the building, which could house about 50 patients, would be closed for the time being



On safer ground: Patients being brought out from the ward that had caught fire at Hospital Sultanah Aminah in Johor Baru. All patients were evacuated and transferred to a nearby hospital.

for investigation.

Also present at the media conference were state Health and Environment Committee chairman R. Vidyantathan and Johor Fire and Rescue Department director Datuk Yahaya Madis.

When contacted after the press conference, Dr Adham said the medical staff from the hospital were trained to face such incidents as the hospital had gone through the 2016 fire tragedy.

"The medical staff acted quickly and shut down equipment that could have allowed the fire to spread further.

"We are still awaiting the report

from the Fire and Rescue Department to find out the cause of the fire," he said.

Asked to comment on an independent investigation on the 2016 fire that broke out at the Intensive Care Unit of the hospital, which was published by a health news portal, the minister declined to answer.

"The issue is under police investigation so I should not comment on it," he said.

An editor of the portal which published the article has recently been questioned by the police.

Meanwhile, Yahaya said 42 fire and rescue personnel were deployed to the location.

"The fire involved the oxygen panel, vacuum, call bell and a switch at the bed of patient No. 5.

"The hospital staff had tried to put out the fire using a dry powder fire extinguisher but failed.

"The Fire Department arrived at the location at about 3.15pm and managed to put out the flames at about 3.17pm," he said in a statement later.

He said the situation was fully under control by 3.29pm.

Watch the video
thestartv.com



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Health DG: 195 active Covid-19 cases nationwide

PETALING JAYA: Eighteen new positive Covid-19 cases were recorded yesterday, bringing the total number of active cases in the country to 195. No deaths were reported, with the number of fatalities at 121.

Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah, said yesterday, added that four of the new cases were imported.

"The four comprised three Malaysians and an expatriate, who was allowed into the country for work. The remaining 14 local transmission cases comprised foreigners," he said.

A total of 10 patients were discharged on Saturday, bringing the total number of recovered cases

to 8,318.

"This leaves 195 active Covid-19 cases in Malaysia and only two of these patients are being treated in intensive care, with none needing ventilator assistance," he said.

According to Noor Hisham, as of June 27, 60,298 foreigners have tested for the virus.

"A total of 2,575 of these foreigner cases were found to be positive, with another 57,441 tests yielding negative results. The remaining 282 test results are pending.

"Out of the positive cases, 95.7%, or 2,465 patients were discharged, with 105 still in treatment. The total number of deaths from this group (foreigners) is five," he said.